

30/10/2001

Majlis Aids persoal kaedah uji HIV bakal pengantin

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Aids Malaysia (MAM) mempersoalkan kaedah yang digunakan Jabatan Kesihatan Johor bagi ujian HIV/Aids ke atas bakal pengantin di negeri itu.

Presidennya, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata `rapid test' atau ujian pantas yang digunakan untuk menguji darah pasangan mempunyai kelemahan kerana tidak dapat menentukan keputusan dengan tepat.

"Saya berpendapat Jabatan Kesihatan tidak memberikan fakta sepenuhnya manakala analisis epidemiologi adalah kurang jelas," katanya kepada pemberita ketika mengulas pengumuman Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman semalam mengenai penguatkuasaan ujian HIV/Aids terhadap semua bakal pengantin di negeri itu mulai 13 November ini.

Penguatkuasaan ujian berkenaan dibuat menerusi fatwa yang dikeluarkan Majlis Agama Islam Johor (Maij).

Marina berkata, Jabatan Kesihatan sepatutnya menasihati Maij mengenai cara terbaik dalam menjalankan ujian HIV/Aids.

Beliau berkata, keputusan yang diperolehi dari ujian pantas HIV perlu diuji semula melalui Ujian Elisa, iaitu satu kaedah yang lebih terperinci dalam mengenal pasti virus HIV dalam darah.

"Ini belum diambil kira tempoh jendela seseorang kerana sepanjang tempoh itu, virus HIV dalam tubuh badan, ada masanya tidak dapat dikesan.

"Jika seseorang masih lagi dalam tempoh jendela, virus itu belum boleh dikesan dalam tubuhnya dan kita perlu tunggu tiga hingga enam bulan untuk mendapat keputusan tepat," katanya.

Marina berkata, jika seseorang diuji sebelum tempoh jendela itu habis, ia akan menunjukkan keputusan negatif.

"Ini berbahaya kerana tujuan melindungi pasangannya tak jadi, dan jika orang itu berkahwin dan selepas itu mendapati HIV positif, siapa yang bertanggungjawab?" katanya.

Menurutnya, jika seseorang yang mempunyai antibodi yang aktif, ujian itu boleh memberi keputusan reaktif, yang bermakna tidak dapat dipastikan sama ada seorang itu HIV positif atau tidak.

Sehubungan itu, Marina meminta kerajaan negeri mengkaji semula penguatkuasaan ujian berkenaan supaya tidak memberi kesan negatif atau trauma kepada bakal pengantin yang melalui ujian itu.

"Kita tak ada masalah dengan niat Jabatan Agama. Kami mempunyai niat yang sama, cuma dari segi pelaksanaannya ada banyak tanda tanya yang patut difikirkan dulu supaya tidak ada kesan negatif sehingga niat tidak dapat dicapai," katanya.

(END)